

♥13/06/16-59MST

II GB 13-06 00190 BA732

aab

Mahathir - Taiwan

PELABUR TAIWAN TAK PERLU TAKUT UNTUK LABUR DI MALAYSIA

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelabur asing terutamanya dari Taiwan tidak perlu takut untuk melabur di Malaysia kerana negara ini tidak mengamalkan sikap penindasan terhadap kaum Cina.

Katanya, ada di kalangan pelabur Taiwan yang takut, malah menganggap Malaysia tidak sesuai untuk melabur, disebabkan suatu ketika dahulu ada laporan yang menggambarkan kononnya negara ini menghadapi masalah perkauman.

"Baqaimanapun, pelabur Taiwan yang datang ke Malaysia mendapati semua laporan itu tidak benar malah konflik perkauman atau sikap penindasan terhadap kaum Cina tidak wujud," katanya ketika merasmikan kilang besi keluli Ornasteel Corporation (M) Sdn Bhd berharga RM1, 200 juta di Air Keroh, dekat sini.

"Kita tidak seperti negara lain yang menindas masyarakat Cina malah kita melayani semua orang sama rata. Kita menyokong penubuhan sekolah Cina tanpa menyekat kaum itu," katanya.

Yang turut hadir ialah isteri beliau, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, anggota Exco Kerajaan negeri dan ketua jabatan kerajaan. -- Laqi.

♥13/06/15-36MST

U GB 13-06 00153 RF.733

aab

Mahathir - Taiwan 2 Melaka

Dr Mahathir berkata kaum Cina merupakan antara golongan yang hidup paling makmur di dunia malahan ada di kalangan mereka yang berasal dari negara ini, banyak menjalankan perniagaan di dalam dan di luar negara.

Katanya, Taiwan banyak menyumbang kepada proses perindustrian Malaysia serta pembangunan negara ini hasil pelaburan mereka yang suatu ketika merupakan yang paling ramai berbanding pelabur dari negara lain.

Menurutnya, Malaysia berasal daripada sebuah negara yang hanya mampu mengeluarkan bahan mentah seperti bijih dan ini tidak boleh menjadi penyumbang untuk menjadikannya negara perindustrian.

Baqaimanapun, katanya, Malaysia mencari jalan pintas dengan menjemput pelabur asing untuk melabur di negara ini dengan membawa bersama teknologi berat dan termoden.

"Kini banyak pelabur dari hampir seluruh dunia seperti Eropah, Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat, Australia datang menanam modal di negara ini yang secara langsung dapat menyumbang kepada pembangunan negara." - - Laqi

♥13/06/15-37MST

aab

Mahathir - Taiwan 3 (Akhir) Melaka

"Ti dak ada sesi apa yang harus menqanqqur ji ka mereka sanqqup beker ja .
Sekarang saha ja ada lebih satu juta pekerja di neqara ini merupakan pekerja
asing yang datang sama ada secara halal atau haram, disebabkan ga ji yang
ditawarkan di neqara ini amat tingqi berbanding dengan neqara asal mereka.

Kehadiran mereka membuktikan ke jayaan neqara kita," katanya.

Dr Mahathir percaya kehadiran pelaburan asing yang banyak memberi
keyakinan bahawa ci ta-ci ta neqara untuk men jadi neqara 'ma ju pada 2020 akan
tercapa i .

Semasa menjawab soalan daripada pemberita Taiwan selepas majlis itu, Dr
Mahathir berkata kerajaan Malaysia menyambut baik dasar "Pandang Ke
Selatan" kerajaan **Taiwan**: Ia akan men jadi galakan untuk menarik lebih ramai
pel abur dari neqara itu menanam modal di neqara ini .

"Tidak ada tempat lain di rantau ini, hanya Malaysia tempat pelaburan
asing yang paling baik untuk pelabur asing khususnya dari Taiwan. Boleh
tanya mana-mana pelabur Taiwan yang telah melabur dan memperolehi
keuntungan banyak di neqara ini . Mereka pasti memberi pandangan yang baik
mengenai iklim pelaburan di Malaysia", katanya.

"Saya harap kehadiran Ornasteel Corporation dapat membantu meningkatkan
kemahiran pekerja tempatan khususnya dalam teknologi lingqi agar cita-cita
untuk men jadi neqara perindustri menjelang tahun 2020 akan tercapai",
katanya. -- Bernama.

ARA NMO